

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 18 MEI 2015

RUJUKAN : 8054

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kerjasama antarabangsa dan keberkesanannya untuk menangani golongan militan.

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif bagi menyekat fahaman IS daripada terus merebak ke dalam negara. Antaranya ialah mengadakan kerjasama antarabangsa dengan agensi-agensi perisikan negara luar melalui perkongsian maklumat khususnya dengan negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, adalah sangat berkesan di mana pihak polis dapat membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut.

Sebagai contoh, nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk utama seluruh negara. Hasilnya telah terbukti apabila pihak polis telah berjaya menahan seramai 107 orang yang disyaki terlibat dengan kegiatan kumpulan militan *Islamic State* (IS) yang terdiri daripada 91 orang rakyat Malaysia dan 16 orang warganegara asing.

Selain daripada itu, Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)
TARIKH : 18.05.2015
SOALAN : 31

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tindakan segera memodenkan sektor luar bandar melalui penambahbaikan infrastruktur, menyediakan persekitaran kondusif dan menggalakkan pelaburan supaya kawasan luar bandar dapat ditransformasikan sebagai pusat industri, sekali gus berupaya menjana peluang pekerjaan industri.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha memodenkan sektor luar bandar telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sejak sekian lama di bawah Dasar Transformasi Nasional (DTN) melalui Program Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Programme* – RTP). Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Centre* (RTC) sebagai pusat integrasi perkhidmatan yang merangsang kegiatan ekonomi dan memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar. Sehingga kini, KKLW **telah membangunkan 7 buah RTC** iaitu Perak, Kelantan, Melaka, Pahang, Johor, Kedah dan Terengganu. Jumlah pengunjung RTC ialah seramai **7.8 juta orang** dengan **nilai jualan** hasil urus niaga yang direkodkan berjumlah **RM476 juta**.

Tuan Yang di-Pertua,

Aktiviti memajukan luar bandar sentiasa menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar. Usaha-usaha ini dilipat ganda lagi dengan penambahbaikan infrastruktur luar bandar seperti jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik bagi memberi manfaat kepada **lebih 5 juta rakyat lagi di kawasan luar bandar**. Sepanjang tahun 2010 - 2014, Kerajaan telah membina sepanjang **4,553 kilometer jalan raya**, manakala **330,000 isirumah** menerima kemudahan **bekalan air bersih**, **130,000 isirumah** dapat menikmati kemudahan **bekalan elektrik** tanpa gangguan dan **73,392 ketua isirumah telah diberi bantuan rumah**.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping melengkapkan penyampaian infrastruktur, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga telah memperkenalkan Program Kampung

Abad ke-21 (KA21) di bawah Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0). Program ini mampu menggalakkan pelaburan sekali gus menjadikan kawasan luar bandar tersebut ditransformasikan menjadi hab ekonomi yang berkembang pesat serta mempunyai daya tarikan terhadap golongan belia. Usaha ini membantu mengekalkan infrastruktur dan pada masa yang sama membangunkan ekonomi luar bandar melalui Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (*Rural Business Challenge* – RBC) dan Program Desa Lestari.

Untuk makluman, program RBC telah membantu mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan industri di kawasan luar bandar manakala, Program Desa Lestari pula telah membangunkan kampung menjadi lebih maju dan masyarakatnya berpendapatan tinggi melalui aktiviti yang dipacu oleh koperasi dalam bidang ekonomi seperti pelancongan, pertanian, perladangan serta industri kecil dan sederhana (IKS).

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan meneruskan agenda pembangunan luar bandar bukan hanya dari aspek kemajuan infrastruktur fizikal tetapi juga dalam bidang ekonomi yang bersesuaian selaras dengan hasrat menjadikan luar bandar sebagai kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan.